

# **PROSEDUR PENSIJILAN VHM**

1. Terima permohonan secara online melalui Sistem Informasi Hasilan Abatoir Ternakan (SIHAT) (<http://sihat.dvs.gov.my/sihat>). Dokumen sokongan hendaklah dihantar kepada urusetia di Bhg. Diagnostik dan Kepastian Kualiti dalam tempoh 14 hari dari tarikh permohonan dibuat.
2. Lantik seorang pegawai bagi menjalankan audit dokumen.
3. Pegawai Audit periksa dan semak permohonan yang diterima bagi memastikan isi kandungan dan dokumen sokongan bagi setiap butiran di dalam borang permohonan mematuhi keperluan minima VHM.
4. Sekretariat Skim Pensijilan DVS akan menghubungi pemohon sekiranya memerlukan maklumat/ dokumen tambahan yang berkaitan atau pemohon boleh menyemak status permohonan secara online di dalam sistem SIHAT.
5. Lantik 2 (dua) Pegawai Audit bagi menjalankan audit keakuran.
6. Audit keakuran dijalankan merangkumi audit dokumen, QAP, GMP dan HACCP, dan audit lapangan.
7. Pegawai Audit menyediakan dan bentang laporan kepada Jawatankuasa Teknikal Skim Pensijilan DVS (JTSPDVS) untuk pertimbangan.
8. Jawatankuasa Penganugerahan Skim Pensijilan DVS (JPSPDVS) buat keputusan setelah meneliti laporan daripada Jawatankuasa Teknikal Skim Pensijilan DVS (JTPSDVS).
9. Permohonan yang lulus akan dimaklumkan melalui surat pemberitahuan kelulusan, No. VHM dan syarat-syarat yang perlu dipatuhi serta boleh juga disemak secara online di dalam sistem SIHAT.